

D.R. 31/2002

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002.

Pindaan seksyen 6

2. Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 [*Akta 489*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 6—

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "Minister," perkataan "in the case of the power set out in paragraph (d), the concurrence of the Minister of Finance,";

Rang Undang-Undang

- (ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) to carry on such activities in association with any person, public authority, corporation, company or other body (including the Federal Government or any State Government) as managing agent on its behalf or otherwise;";

- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(ca) for the purpose of carrying on any such activities, to enter into a partnership, joint venture or co-operation in any manner or to enter into an arrangement for the sharing of profits;

(cb) to establish or promote the establishment of companies under the Companies Act 1965 [Act 125] to carry on or engage in any activity which has been planned or undertaken by the Majlis (including the taking over of the function of the corporation which has been wound up and dissolved under Schedule IV);";

- (iv) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(d) to purchase, underwrite or otherwise acquire shares and securities of any public authority, corporation, company or other body, and to sell, hold or reissue, with or without guarantee, such shares and securities or otherwise dispose of or deal with them as the Majlis may determine;"
dan

- (v) dengan menggantikan perenggan (*e*) dengan perenggan yang berikut:

"(*e*) to establish, operate and maintain training and educational institutions and to do all things expedient or reasonably necessary for or incidental to the performance of this function; and"; dan

- (*b*) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Notwithstanding any other provision in this Act or section 95 of the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [*Act 555*], the Private Higher Educational Institutions Act 1996 shall apply to an educational institution established, operated and maintained under paragraph (2)(*e*)."

Pengesahan

3. Tiap-tiap perbuatan atau benda yang telah dilakukan oleh Majlis atau Menteri atau kedua-duanya sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini yang sah jika subseksyen 6(2) Akta ibu mengandungi peruntukan yang dimasukkan melalui seksyen 2 Akta ini pada masa perbuatan atau benda itu dilakukan adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan telah dilakukan menurut undang-undang.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 ("Akta 489").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta pindaan yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 6(2) Akta 489 bagi membolehkan Majlis mempunyai kuasa yang lebih luas untuk menunaikan kewajipannya di bawah Akta itu dengan lebih baik. Perenggan baru (*cb*), khususnya, akan membolehkan Majlis menubuhkan syarikat supaya aktiviti yang dapat dijalankan dengan lebih baik oleh suatu entiti yang berasingan boleh dijalankan oleh syarikat sedemikian dan tidaklah oleh Majlis sendiri.

Rang Undang-Undang

4. *Fasal 3* mengandungi peruntukan pengesahan. Peruntukan ini mengesahkan perbuatan yang dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa pindaan yang dicadangkan ini, pada menjangkakan pindaan itu.

5. Pindaan lain kepada seksyen 6 Akta 489 yang tidak diperkatakan dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2286]